

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1978**

#### **MEMBERI KELULUSAN BAGI PERMOHONAN-PERMOHONAN PECAH SEMPADAN/BAHAGIAN TANAH**

---

Mengikut Sek.135 (2) dan 140 (2) KTN. Permohonan bagi pecah sempadan dan pecah bahagian bagi mana-mana tanah boleh diluluskan oleh PTG. Bagi tanah-tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Pejabat Tanah, tetapi kelulusan itu tidak boleh diberi selagi pelan pecahan itu tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancangan di bawah Seksyen 136 (1) (c) (i) KTN.

2. Sayugia dijelaskan di sini bahawa kesemua permohonan-permohonan untuk mendapat kebenaran bagi memecah sempadan atau bahagian tanah yang terletak di Luar Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan sama ada tanah itu dipegang di bawah Hakmilik Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran dikehendaki diangkat terlebih dahulu bagi timbangan MMK untuk mendapat kelulusan sebagai Planning Authority di bawah Seksyen 136 (1) (c) atau 141 (1)(c) KTN.
  
3. Cara yang di atas didapati memakan masa yang agak lama sebelum MMK/PBN memberi kelulusan bagi satu-satu permohonan pecah sempadan/bahagian tanah. Oleh itu dalam masa pemerintahan Darurat baru-baru ini, Pengarah Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya semua permohonan-permohonan bagi memecah sempadan, memecah bahagian dan menyatukan tanah-tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Pejabat Tanah bolehlah ditimbang dan diluluskan oleh PHT dengan syarat pelan ‘Lay-out’nya telah dipersetujui dan diluluskan oleh Pengarah Perancang Bandar dan Kampung Kelantan, manakala tanah-tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Pejabat Pendaftaran dikehendaki diangkat ke Pejabat PTG untuk kelulusannya seperti biasa, iaitu selepas dibuat perujukan kepada

Pengarah Perancangan Bandar dan Kampung Negeri. Arahan ini terkandung di dalam Arahan (M) 1/77 yang dikeluarkan pada 22/11/1977.

4. Berhubung dengan perkara ini MMK yang bersidang pada 5/4/1978 telah mengkaji dan menimbang semula cara dan Arahan yang tersebut di perenggan di atas dan telah membuat keputusan bersetuju supaya Arahan (M) PTG Kelantan Bil. (M) 1/77 yang dikeluarkan pada 22/11/1978 terus dipakai bagi Pentadbiran Tanah Dalam Negeri Kelantan ini kerana ini adalah satu-satunya cara untuk menyegerakan proses pembangunan yang melibatkan soal pemecahan sempadan/bahagian tanah.

5. Dengan pengeluaran Pekeliling ini, Arahan PTG. Bil. 2/1977 yang telah dikeluarkan pada 1/3/1977 hendaklah disifatkan sebagai terbatal.

t.t  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah Dan Galian  
Kelantan

**KEPADА:**

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah,  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

YB.Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.

Pengarah Perancang Bandar dan Desa Kelantan

Ketua Cawangan Odit, Kelantan, Kota Bharu

Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri, Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**FAIL:** PTG.(KN) 6863/(113)

**KOTA BHARU:** 20HB APRIL 1978.